

TERMETERAI... bergambar kenangan bersama semua wakil terbaru yang menjalin kerjasama bersama UTHM.



UTHM kongsi kepakaran

DALAM melestarikan usaha serta memartabatkan kepakaran sedia ada, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) menjalin kerjasama dengan alumninya bagi mengembangkan lagi sayap penyelidikan dan inovasi.

Justeru, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoA) Antara UTHM dan Probase Manufacturing Sdn Bhd diadakan bersama empat lagi alumni menerusi Memorandum Persefahaman (MoU), baru-baru ini.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, kerjasama itu bakal memberi manfaat kepada semua pihak selain melaksanakan perkongsian kepakaran bagi meningkatkan

profesionalisme dan kepakaran ahli akademik UTHM.

Beliau berkata, melalui perkongsian itu juga, kedua-dua pihak mampu menjalin lebih persefahaman dalam merangka pelbagai program jangka panjang bagi keuntungan bersama dan masyarakat.

"Kerjasama ini langkah awal UTHM melebarkan kepakarannya dalam inovasi dan penyelidikan kerana bukan saja mendapat suntikan kewangan malah sokongan padu bagi merealisasikan usaha dijalankan.

"Dengan perkongsian ini, semua pihak mendapat manfaatnya dan bagi UTHM, ini satu dimensi baru dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi

setanding institusi lain.

"Malah, ia menjadi platform awal UTHM membina nama ke persada antarabangsa, sekali gus memberi peluang kepada orang luar melihat kemampuan UTHM dalam pelbagai aspek diperlukan global," katanya.

Menerusi MoA itu, Probase Manufacturing akan melabur bagi membangunkan makmal di UTHM manakala institusi terbabit akan menyalurkan segala kepakaran sedia ada untuk mempertingkatkan penyelidikan sedia ada.

Beliau berkata, perkongsian antara institusi dan pihak lain juga penting dalam usaha memperkasakan keupayaan sedia ada bukan saja melalui cabang ilmu, malah pendi-



UNTUK MASA DEPAN...
Dr Mohd Noh (kanan) bertukar dokumen bersama wakil rakan strategik.

dikan generasi seterusnya. "Melalui usaha dijalankan, cabang ilmu pasti berkembang dengan penemuan baru. Ini bukan saja mempertingkatkan kualiti, malah membantu

generasi baru untuk meneroka lebih lagi kajian sedia ada. "Percambahan ilmu tidak akan terhenti. Ini satu wacana yang baik bagi memperkem-

bangkan lagi ilmu berbentuk ilmiah, sekali gus memartabatkan nama institusi di kalangan penyelidik tempatan mahupun antarabangsa," katanya.